

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Address:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T	+603 7652 3388
F	+603 7957 1562
E	customerservice@mcis.my
W	www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK		MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Merchantrade Insure Medic Pro (MI Medic Pro). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.		Merchantrade Insure Medic Pro (MI Medic Pro)
		Tarikh: 08/11/2024

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Merchantrade Insure Medic Pro (MI Medic Pro) ialah pelan insurans perubatan berkelompok yang boleh diperbaharui tahunan, yang membayar balik perbelanjaan perubatan sekiranya Hayat yang Diinsuranskan dimasukkan ke mana-mana hospital akibat kemalangan atau penyakit.

Pelan ini ditawarkan kepada ahli-ahli yang layak yang merupakan pelanggan-pelanggan Merchantrade Asia Sdn. Bhd. ("Merchantrade"), Pemilik Polisi.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

	Butiran Manfaat	Ringgit Malaysia (RM)
Perkara	Manfaat Hospital dan Pembedahan	
1	Bilik dan Penginapan Hospital (Had sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Tahun Sijil)	
2	Unit Rawatan Rapi (Had sehingga lima belas (15) hari bagi setiap Tahun Sijil)	
3	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	
4	Yuran Pembedahan (tidak termasuk pemindahan organ)	
5	Yuran Dewan Pembedahan	
6	Yuran Pakar Buis	
7	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Tahun Sijil)	Seperti yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
8	Pembedahan Jagaan Harian	
9	Yuran Ambulans	
10	Cukai Berkenaan (Untuk bekalan dan perkhidmatan yang boleh dicukai, jika ada)	
11	Yuran Kemasukan ke Hospital dan Yuran Laporan Perubatan	
	Manfaat Rawatan Pesakit Luar	
12	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
13	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
	Had	
14	Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia)	12,000
15	Had Tahunan (Hospital Swasta) - Dipercepatkan atas Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia)	6,000
16	Deduktibel (Setiap Tahun Sijil dan terpakai untuk Perkara 1 hingga 11)	500

Nota-nota:

- Deduktibel adalah jumlah yang Pemilik Sijil hendaklah membayar sebelum sebarang manfaat dibayar di bawah Sijil Jaminan.
- Deduktibel adalah terpakai untuk Perkara 1 hingga 11 bagi rawatan yang didapati di sebuah Hospital Swasta. Walau bagaimanapun, Rawatan Kecemasan yang didapati di sebuah Hospital Swasta tidak tertakluk kepada Deduktibel.

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Address:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

- Rawatan yang didapati di sebuah Hospital Kerajaan Malaysia tidak tertakluk kepada Deduktibel.

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Pelan ini boleh diperbaharui, sehingga umur Hayat yang Diinsuranskan enam puluh lima (65) tahun pada hari jadi terakhir dan perlindungan akan tamat pada Ulang Tahun Sijil selepas Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun pada hari jadi terakhir.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Berdasarkan kekerapan pembayaran pilihan anda, premium yang anda perlu bayar adalah seperti berikut:

Kekerapan Pembayaran	Premium (RM)
Bulanan	25.00
Tahunan	300.00

- Premium adalah sama untuk semua umur dan jantina. Premium tidak terjamin dan Kami berhak untuk menyemak semula premium jika pengalaman tuntutan sebenar lebih teruk daripada yang dijangkakan dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Sebarang perubahan premium akan berkuatkuasa pada tarikh Ulang Tahun Sijil berikutnya.
- Pelan ini perlu dibayar sehingga Ulang Tahun Sijil apabila Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun pada hari jadi terakhir.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen: 10% daripada premium.

Kekerapan Pembayaran	Premium (RM)	Komisen (RM)
Bulanan	25.00	2.50
Tahunan	300.00	30.00

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan, pekerjaan, dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Bertenang – Sekiranya anda memutuskan untuk tidak meneruskan Sijil Jaminan, anda boleh membatalkan Sijil Jaminan dalam tempoh lima belas (15) hari dari penerimaan Sijil Jaminan dan MCIS Insurance Berhad akan membayar balik premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah. Anda boleh membatalkan Sijil Jaminan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad secara langsung atau melalui Merchantrade.
- Tempoh Tangguh – Tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari tarikh premium perlu dibayar akan dibenarkan, selama tempohnya Sijil Jaminan akan kekal berkuatkuasa. Jika terdapat premium yang belum dibayar pada akhir tempoh tangguh, Sijil Jaminan akan luput dan tidak lagi mempunyai nilai. Tiada pengembalian semula dibenarkan untuk pelan ini. Sebarang permohonan semula untuk pelan tersebut akan dianggap sebagai permohonan baharu.
- Jumlah yang boleh dituntut adalah berdasarkan "seperti yang dicaj" iaitu dibayar balik berdasarkan caj-caj sebenar mengikut bil perubatan anda, tertakluk kepada had-had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- Bilangan Sijil Maksimum – Hanya satu Sijil Jaminan sahaja bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan dibenarkan.
- Pembaharuan – Pembaharuan untuk Sijil Jaminan tidak dijamin. Melainkan diperbaharui, perlindungan akan ditamatkan dan MCIS Insurance Berhad sama sekali tidak akan bertanggungjawab atas sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas Sijil Jaminan ditamatkan.
- Penamaan – Anda dinasihatkan untuk menamakan penama(-penama) untuk pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda dimaklumkan tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Anda harus membaca dan memahami pelan insurans dan berbincang dengan wakil jualan anda atau menghubungi terus MCIS Insurance Berhad untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- Jika anda bertukar pelan insurans anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.
- Syarat Penarikan Balik Portfolio – MCIS Insurance Berhad berhak tidak meneruskan pengunderaitan produk insurans ini dengan memberi Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis awal. MCIS Insurance Berhad akan meneruskan semua Sijil Jaminan sehingga Ulang Tahun Sijil.
- Prosedur Tuntutan – Jika berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat, dokumen-dokumen berikut perlu diserahkan kepada Syarikat melalui cawangan atau wakil Merchantrade:
 - Salinan Diakui Sah Kad Pengenalan Pemilik Sijil.
 - Borang Tuntutan yang lengkap.
 - Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Syarikat.
 Tuntutan akan dinilai oleh MCIS Insurance Berhad dan dimaklumkan kepada Pemilik Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan status tuntutan, sila hubungi Merchantrade:
 - Emel : MI_enquiries@mtradeasia.com
 - Talian Utama : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00 pagi hingga 5:30 petang (kecuali cuti umum)]

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi kontrak untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Produk ini tidak melindungi sebarang penghospitalan, pembedahan, atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhannya atau sebahagiannya disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- (a) Penyakit Sedia Ada.
- (b) Sebarang Ketidakupayaan dan tanda-tanda atau simptomnya yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan.
- (c) Penyakit Tertentu yang muncul dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil.
- (d) Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- (e) Kecederaan atau penghospitalan akibat penyalahgunaan dadah, gangguan ketagihan daripada penyalahgunaan dadah, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol.
- (f) Percubaan bunuh diri, ancaman, atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- (g) Sebarang rawatan pesakit luar yang tidak berkaitan dengan rawatan pesakit dalam, kecuali yang disediakan di bawah Sijil Jaminan.
- (h) Akibat daripada melakukan, mencuba perbuatan yang menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau daripada sebarang pelanggaran undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi kontrak untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan perlindungan insurans saya?

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dengan memberikan notis bertulis untuk pembatalan kepada MCIS Insurance Berhad melalui Perkhidmatan Pelanggan Merchantrade atau mana-mana kaedah komunikasi formal yang lain. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik peratusan daripada premium tanpa faedah dengan syarat tiada tuntutan dibuat di atas Sijil Jaminan pada Tahun Sijil semasa, jika berkenaan.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami atau Merchantrade tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* tentang “Medical & Health Insurance” yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Utama : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Pengedar:

Merchantrade Asia Sdn. Bhd. Registration No. 410591-T

Ibu Pejabat : Suite 1632, Tingkat 16, Lobi 7,
Blok A, Damansara Intan,
No 1, Jalan SS20/27,
47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00 pagi hingga 5:30 petang (kecuali cuti umum)]
Faks : 03-7727 4606
Emel : MI_enquiries@mtradeasia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang tersedia

Sila rujuk kepada Merchantrade atau MCIS Insurance Berhad untuk jenis pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHWA POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA.
ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU
HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**SEKIRANYA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU
KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN
TAFSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.**

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 08/11/2024.